

## PENDAFTARAN SEBAGAI PEMBEKAL/KONTRAKTOR GIATMARA

Pelawaan pendaftaran adalah terbuka kepada semua untuk menyertai GIATMARA sebagai pembekal dan kontraktor perkhidmatan dan / atau kontraktor kerja. Syarat-syarat seperti berikut:

<p><b>1. Syarat Utama</b></p> <p>Syarat utama pendaftaran sebagai pembekal dan kontraktor perkhidmatan dan/atau kontraktor kerja GIATMARA Sendirian Berhad:</p> <p><b>Syarikat /Perniagaan yang diperbadankan di Malaysia, berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Kewangan Malaysia dan/atau CIDB</b></p>
<p><b>2. Maklumat dan dokumen syarikat perniagaan</b></p> <p>Syarikat yang ingin berdaftar perlu memasukkan maklumat lengkap yang terkini dan melampirkan salinan dokumen seperti berikut:</p> <p>2.1 Penyata terbaru akaun bank. Nama pemegang akaun bank hendaklah sama dengan nama syarikat yang memohon.</p> <p>2.2 Salinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia, Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat dan Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat Bumiputera (sekiranya ada)</p> <p>2.3 Salinan Sijil Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB) : Perakuan Pendaftaran dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)</p> <p>2.4 Salinan Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) sekiranya ada</p> <p>2.5 Maklumat SSM :</p> <p>2.5.1 Syarikat Persendirian / Awam Berhad : Profail syarikat.</p> <p>2.5.2 Syarikat Perusahaan (Enterprise) : Borang D maklumat perniagaan dan pemilik</p>
<p><b>3. Tempoh sahlaku sijil-sijil yang didaftarkan</b></p> <p>Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia/CIDB, Sijil Pengiktirafan Bumiputera dan Sijil Perniagaan ROB (SSM) hendaklah tempoh sahlakunya sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh permohonan.</p> <p>Syarikat yang ingin berdaftar dinasihatkan untuk mengemaskini data dengan Kementerian Kewangan Malaysia, CIDB dan PKK kerana semakan lanjut akan dibuat dengan semua sistem rekod berkenaan. GIATMARA berhak menolak permohonan sekiranya maklumat yang dimajukan bercanggah dengan maklumat/rekod Kementerian Kewangan Malaysia atau CIDB/PKK.</p>
<p><b>4. Alamat e-mel</b></p> <p>Syarikat yang ingin berdaftar hendaklah memastikan bahawa SEMUA e-mel rasmi korporat adalah sah dan aktif. Ini adalah penting kerana alamat e-mel korporat akan digunakan untuk urusan tersebut:</p> <p>4.1 E-mel notifikasi untuk memberitahu anda bahawa Pesanan Belian (PO) dan perkara-perkara berkaitan telah dikeluarkan kepada syarikat anda melalui Portal GIATMARA untuk tindakan anda</p> <p>4.2 E-mel jemputan untuk menyertai bidaan baru</p>
<p><b>5. Makluman</b></p> <p>Pendaftaran dengan GIATMARA melayakkan syarikat anda untuk menyertai sebut harga/tender yang akan diiklankan oleh GIATMARA sama ada melalui laman web GIATMARA dan atau iklan yang dipaparkan di pejabat GIATMARA / surat khabar.</p> <p>Salinan sijil pendaftaran hendaklah dikemukakan semasa pembelian sebutharga/tender dan disertakan semasa penyerahan dokumen sebutharga/tender.</p> <p>Sebarang perubahan kepada syarat-syarat pendaftaran ini adalah hak mutlak GIATMARA.</p>

## PENDAFTARAN SEBAGAI PEMBEKAL/KONTRAKTOR GIATMARA

### 6. Peringatan

6.1 Syarikat yang ingin mendaftar perlu menjamin dan memastikan bahawa semua data, maklumat dan dokumen sokongan yang dikemukakan semasa permohonan dibuat adalah benar. Memalsukan atau memberikan maklumat atau dokumen meragukan akan menyebabkan permohonan ditolak atau dalam kes di mana kelulusan telah diberikan, akan mengakibatkan pembatalan serta-merta. GIATMARA berhak mengambil tindakan sewajarnya kepada syarikat yang terlibat.

6.2 Sekiranya pendaftaran lesen perniagaan anda telah tamat tempoh selepas permohonan dibuat, sila perbaharui dan dikemukakan kembali kepada pihak GIATMARA secepat mungkin untuk mengelakkan syarikat anda dikeluarkan daripada senarai pembekal/kontrak GIATMARA.

GIATMARA SENDIRIAN BERHAD TIDAK MEMPUNYAI OBLIGASI UNTUK MENAWARKAN KONTRAK KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT YANG BERDAFTAR DENGAN GIATMARA

### 7. Cara untuk mendaftar sebagai pembekal

Pendaftaran pembekal boleh dilakukan menerusi imbasan QR code seperti di bawah atau anda boleh hadir ke Ibu pejabat GIATMARA untuk membuat pendaftaran.

QR code

